

21 AUG 1996

Lim-Upah

KABINET TERIMA GARIS PANDUAN SISTEM REFORMASI UPAH

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Jemaah Menteri hari ini menerima garis panduan mengenai sistem reformasi upah yang memberi penekanan kepada hubungan rapat antara upah dan produktiviti untuk meningkatkan persaingan dan menggalakkan kestabilan pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata garis panduan itu membolehkan majikan mengadakan pendekatan lebih luas dan sistematik untuk meningkatkan produktiviti dan upah melalui penglibatan aktif dan kerjasama pekerja mereka.

Ketika bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, Lim berkata Jemaah Menteri dalam menerima garis panduan itu pada mesyuarat minggunya, berpendapat bahawa apabila syarikat mendapat keuntungan besar, pekerja patut mendapat faedah daripada keuntungan syarikat itu.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat itu telah melahirkan harapan agar syarikat memberi faedah kepada pekerja apabila mendapat keuntungan besar.

Katanya, Perdana Menteri juga menegaskan tentang pentingnya para pekerja meningkatkan produktiviti dan mutu kerja masing-masing sejajar dengan kadar upah yang diterima.

Pada 1 Ogos, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan bersetuju menerima garis panduan itu yang membolehkan pekerja menikmati sebahagian daripada keuntungan hasil daripada produktiviti dan prestasi yang meningkat.

Lim berkata kini tiada sebab mengapa pihak swasta tidak mahu mengamalkan sistem itu atau melengah-lengahkan pelaksanaannya kerana sebahagian besar daripada butiran dalam sistem itu merupakan cadangan yang dikemukakan oleh mereka sendiri.

Mengenai langkah beberapa kilang elektronik di Pulau Pinang menutup perniagaan atau mengurangkan jumlah pekerja, Lim berkata sejak penghujung tahun lepas tiga syarikat menutup perniagaan mereka yang melibatkan 3,032 pekerja manakala dua lagi mengurangkan pengeluaran.

Bagaimanapun, katanya dengan campur tangan Pasukan Petugas Mengenai Pemberhentian Pekerja Elektronik, kesemua pekerja yang dibuang itu kini diambil semula bekerja di kilang lain.

Di samping itu mereka juga menerima pembayaran baki gaji dan faedah statutori mengikut Akta Penggajian 1955 berjumlah RM6 juta, katanya.

Beliau berkata penutupan ketiga-tiga kilang itu berpunca daripada masalah kemerosotan pesanan barangan keluarannya. -- BERNAMA

AKT NMO